

SELASA • 10.10.2017

kota@utusangroup.com.my

UTUSAN KOTA

Unit Berita Kota

44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
facebook: Utusan Kota
Twitter: @UtusanKota
Laman web: www.utusan.com.my



LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA



PERUMAHAN teres dua tingkat Fasa 2, Seksyen 23, Shah Alam, Selangor nampak indah di luar namun penghuninya hidup dalam kebimbangan apabila dinding dan lantai rumah mereka retak teruk.

SEORANG penduduk, R. Kanniga, menunjukkan kesan mendalam di pekangaran rumahnya di Seksyen 23, Shah Alam, Selangor, baru-baru ini. — UTUSAN / GHAZALI BASRI



SITI ZALIHHA MOHAMMAD NOOR menunjukkan keadaan dinding rumahnya yang retak.

REAKSI
SEGERA SELESAI ISU

Penduduk Seksyen 23 rayu selesai isu tanah mendap, rumah retak

'Apa status keselamatan kami?'

SITI ZALIHHA MOHAMMAD NOOR
Pensyarah

"SAYA pindah ke Setia Alam pada 2015 atas faktor keselamatan. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Majlis Bandaraya Shah Alam serta pemaju perlu mengambil tanggungjawab atas perkara ini.

"KAJIAN tanah perlu dilakukan segera di kawasan perumahan ini bagi memastikan keselamatan penduduk benar-benar terjamin

MAT ROPI HUSEIN
Pegawai bank

"PENDUDUK terpaksa menanggung kos tinggi untuk kerja-kerja membaik pulih dinding dan lantai retak. Kediaman yang sepatutnya menjadi tempat berlindung kini tidak lagi selamat.

MD. YUSOP SELAMAT
Pesara

Oleh AMIRUL AIMAN ANUAR
l.a.aj@utusangroup.com.my

■ SHAH ALAM 9 OKT.

SERAMAI 86 orang pemilik rumah teres dua tingkat di Fasa 2, Seksyen 23 di sini hidup dalam kebimbangan apabila lantai dan dinding rumah mereka retak teruk akibat masalah tanah mendap sejak beberapa tahun lalu.

Semua aduan berkaitan telah dikemukakan kepada pihak berkaitan melalui Jawatankuasa Bertindak yang ditubuhkan namun sehingga ke hari ini tidak mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak bertanggungjawab.

Lebih membimbangkan sehingga kini tiada jaminan bertulis diterima pihak terlibat bertubuh status keselamatan mereka.

Timbalan Pengerusi Persatuan Komuniti Seksyen 23, Md. Yusop Selamat berkata, penghuni tidak dapat tidur lena setiap malam kerana bimbang dinding atau lantai rumah runtuh.

Menurutnya, semakan sijil layak menduduki (CF) perlu dilakukan semula bagi mengukur keselamatan terkini terutama struktur tanah sekitar kawasan perumahan itu yang merupakan bekas kolam loji kumbahan.

"Kami risau dan takut apabila melihat retakan kecil bertukar jadi rekahan dan terbelah, malah terdapat beberapa rumah penduduk yang condong dan berlaku runtuh siling dan konkrit.

"Beberapa penghuni juga mengambil keputusan berpin-

Kami mengharapkan pihak bertanggungjawab termasuk pemaju mengambil tindakan segera sebelum kejadian tidak diingini berlaku."

dah dan mengosongkan kediaman mereka kerana berasa tidak selamat.


"Kami mengharapkan pihak bertanggungjawab termasuk pemaju mengambil tindakan segera sebelum kejadian tidak diingini berlaku," katanya kepada Utusan Malaysia di sini.

Sementara itu ahli jawatankuasa bertindak, Siti Zaliha Mohammad Noor, 36, berkata, segala permasalahan tersebut telah dibangkitkan kepada pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Majlis Bandaraya Shah Alam dan pemaju.

Katanya, apa yang diharapkan pihak bertanggungjawab mencari jalan penyelesaian segera bagi memastikan keselamatan penduduk terjamin.

"Malang tidak berbau. Bilabila sahaja kemalangan boleh berlaku. Lebih-lebih lagi perumahan ini terletak kira-kira 200 meter dari projek rumah pangsa yang bakal dibina," katanya.

Sementara itu, jurucakap PKNS ketika dihubungi Utusan Malaysia berkata, tindakan memindahkan penduduk Seksyen 23 yang terjejas sudah bermula sejak Jumat lalu dan akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut keutamaan.



BEBERAPA penduduk bersama Md. Yusop Selamat (kanan) menunjukkan keadaan siling rumah salah seorang jiran mereka di Jalan 23/9B Seksyen 23 Shah Alam, Selangor.

WATILIH SEMALAM menunjukkan siling rumahnya yang runtuh dan gagal dibaloi kontraktor sehingga hari ini.